


# Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



## **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran**

### **Rekabentuk Kearah Inovasi**

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof  
& Nurkhazilah Idris*

## **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka**

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)  
& Azahar Harun (PhD)*

## **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka**

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)  
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

## **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi**

*Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias*

## **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan**

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,  
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

## **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'**

*Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi*

## **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"**

*Rosli Zakaria (PhD)*

## **Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar**

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin  
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

## **'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**

*Azahari Haji Khalip*

## **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014**

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah  
& Mohd Fauzan Mat Sari*

## **Zunar dan Kartun**

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki  
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

## **Modul Asas Pembuatan Sandal**

*Ibrahim Othman*



Foto oleh:  
Wan Nur Khalisah Shamsudin

**Jurnal**  
**Inspirasi Seni Intelektual**  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka  
Julai 2019  
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000  
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA  
(FSSR),  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
MELAKA,  
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,  
MELAKA, MALAYSIA  
Tel : +606 558 2000.

**Atur Huruf oleh / Typeset by**  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Nurkhazilah Idris

**Reka bentuk kulit dan buku oleh**  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

**Ahli Jawatankuasa Jurnal**  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain  
Shafirah Shaari  
Nurkhazilah Idris

## **Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka**

---

### **Penaung**

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat  
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin  
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

### **Penasihat**

Prof Madya Dr Azahar Harun

### **Ketua Editor**

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

### **Editor**

Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Nurkhazilah Idris

### **Pereka Grafik**

Wan Nur Khalisah Shamsudin

### **Reviewer**

Prof Madya Dr Azahar Harun  
Dr Rosli zakaria  
Dr Nadzri Mohd Sharif  
Dr Haslinda Abd Razak  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Dr Sharmiza Abu Hassan

# Prakata

---

Bismillahirraahmaniraahim.  
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

**Dr. Liza Marziana Mohammad Noh**

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

# Isi Kandungan

**i** Prakata

**ii** Isi Kandungan

**1** **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran  
Rekabentuk Kearah Inovasi**  
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof  
& Nurkhazilah Idris

**11** **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai  
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**  
*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)*

**16** **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk  
Masjid Tengker Melaka**  
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)  
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

**26** **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru  
dalam Fotografi**  
*Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias*

**34** **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**  
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,  
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

**44** **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat  
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan  
Hang Tuah dan Cin Cu’**  
*Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi*

---

**53** **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**  
*Rosli Zakaria (PhD)*

**64** **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**  
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin  
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

**71** **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**  
*Azahari Khalip*

**81** **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu  
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**  
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah  
& Mohd Fauzan Mat Sari*

**96** **Zunar dan Kartun**  
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki  
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

**105** **Modul Asas Pembuatan Sandal**  
*Ibrahim Othman*



## Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

*Azahari Khalip*

### **Abstrak**

Dinding grafiti ..... Tarian Robot ..... Pudu Jail ke Zaman Hip Hop merupakan sorotan waktu bermulanya budaya seni jalanann yang berputik dari budaya Pop atau Rap di dalam kesenian muzik dan fesyen sehinggalah ianya berkembang pesat sebagai satu wadah seni masyarakat urban yang bermula di Amerika, hinggalah ianya berkembang menjadi bentukan seni yang kukuh dan diterima oleh masyarakat secara global. Artikel ini meninjau aspek- aspek kesenian jalanann iaitu lukisan mural grafiti yang pada mulanya amat di sanggah oleh masyarakat kerana elemen-elemen vandalism terbentuk dengan tujuan sebagai ekspresi emosi yang tidak terkawal kewujudannya pada tahap permulaan. Dalam artikel ini juga penulis cuba untuk melihat kembali perkembangan seni grafiti atau seni mural di tanahair ini seperti kewujudan mural pertama di Dewan Bahasa Dan Pustaka dengan slogan 'Cara Hidup Malaya' pada tahun 1961, begitu kuat pengaruh gayaan Kubisme dan pengaruh seni mural Mexico seperti yang dihasilkan oleh seniman bernama Diego Riverea dan Clemente Orosco. Tidak lupa juga dengan mural Penjara Pudu yang menyingkap tentang panorama pemandangan hutan tropikal di tengah bandaraya Kuala- Lumpur pada suatu ketika dahulu. Kesenian jalanann atau kesenian grafiti mula bertapak dengan kukuh sekali di Malaysia sebagai satu wadah kesenian yang berjiwa rakyat dan elemen elemen yang ditampilkan sesungguhnya memberikan hasil yang positif dan murni malahan di terima secara positif oleh masyarakat. Tidak dinafikan seni grafiti atau kesenian mural dapat memeriahkan dan menceriakan kehidupan rakyat Malaysia secara amnya, dan ia merupakan wadah kesenian yang cukup dekat dengan masyarakat dekad ini.

**Kata kunci :** Lukisan mural, seni grafiti, vandalism.

## Pengenalan

Cerita ini dimulakan dengan sebuah bangunan yang mempunyai lakaran graffiti wajah penyanyi pop terkenal Michael Jackson (MJ) , pada tahun 80an dahulu, siapa tidak kenal dengan penyanyi pop ini, sehingga kini digelar 'Raja Pop' iaitu mendiang Michael Jackson yang memenangi anugerah grammy award dengan lagu seperti *Beat It*, *Thiller*, *Billie Jean* dan sebagainya, menjadi kegilaan ramai remaja di Malaysia waktu itu, siulan dan nyanyian lagu pop penyanyi terkemuka dunia ini sering kali kedengaran diradio tempatan dan setiap orang muda sukakanya. Kita boleh dengar siulan ini mekar di bibir para remaja waktu itu setiap orang khususnya budak-budak sekolah akan mengayakan fesyen ala MJ seperti t- shirt gambar MJ, jaket kulit berwarna merah, celana ketat berwarna hitam dan juga stoking putih dikenakbergaya.

Gayaan jalanan pun menunjukkan budaya pop tersebar mekar diiringi tarian unik yang dihasilkan oleh MJ. Populariti MJ bukan sahaja signifikan pada golongan anak muda melayu sahaja bahkan anak muda dari golongan cina dan india turut meresapi kegilaan tersebut sehinggalah ada anak- anak cina ingin mengkerintingkan rambut mereka dan anak anak muda india sudah menjadi *trademark* mereka berkulit gelap susuk tubuh yang kurus tinggi rambut kerinting halus pula dengan senang hati menari gayaan Mj atau dikenali sebagai *breakdance* atau robot dance tanpa segan silu walaupun didendangkan dengan lagu pop tamil.



**Gambar 1** : Fesyen gayaan Michael Jackson.



**Gambar 2** : Remaja dan mural figura Michael Jackson.

Era 80an juga mengingatkan kita pada kemunculan seniman jalanan asal Amerika sekaligus aktivis sosial, Keith Harring adalah seniman kontemporari merubah seni jalanan ke arah seni yang bertemakan politik, seksualitis, perang, agama dan wabak AIDS. Ketika kebanyakan seniman jalanan waktu itu menjadikan *subway* atau dinding lorong sebagai kanvas mereka dan senjatanya adalah *spray paint*. Keith Harring pula bereksperimen menggunakan kapur tulis dan kebanyakan mural beliau berorientasikan warna gelap pada latar belakang. Kalau di Malaysia waktu itu graffiti wujud dalam kontek vandalism yang agak sempit dan selalu dilakukan oleh remaja bermasalah pada tandas-



tandas awam mahupun ruangan publik, tindakan juga boleh dikenakan kerana merosakkan harta awam. Namun begitu apa yang dilakukan oleh Keth Haring jauh sekali untuk kita mengecam beliau di bawah akta merosakan harta awam. Beliau menghasilkan satu karya bertajuk *Crack is Wack* pada satu dinding awam yang terletak di 128th Street di kawasan 2nd Avenue, beliau didenda \$25.00 oleh Peguatuksa Bandaran atas alasan menconteng dinding awam. Namun apa yang cuba disampaikan oleh Keith adalah berkenaan penggunaan dadah kokain telah meruntuhkan sistem keluarga dan masyarakat di New York pada waktu itu.



**Gambar 3** : Contoh vandalisme di tempat awam.

Sehubungan dengan konteks graffiti adalah sebahagian dari seni dalam konteks seni terkini dan bukan vandalism Tisna Sanjaya dari Fakultas Seni Rupa Indonesia mentakrifkan bahawa graffiti adalah menulis, menggambar, menoreh. Graffiti sebagai karya seni adalah menggambar, menulis, menoreh ekspresi secara spontan sehingga muncul visualisasi unik, khas dalam berbagai bentuk, format, dan karakter dari konteks situasi sosial dan

kebudayaan setempat. Baik dalam bentuk lukisan yang memakai media kanvas, lempengan kayu, plat logam, serta di atas tembok- tembok dinding rumah, sepanjang benteng, di tiang-tiang jambatan di perkotaan, dan lain-lain. Seni graffiti sekarang sudah sangat berkembang, baik graffiti secara formal yang dilukis, mahupun kolaborasi dengan media baru, seperti video, teater, seni persembahan. Berbagai festival seni rupa dunia selalu muncul karya-karya seniman yang memunculkan graffiti sebagai kekuatan olahan visual yang kuat.

Justeru dengan kenyataan Tisna Sanjaya, kesenian mural bukanlah seperti kita rasakan sebagai satu wadah yang tiada kepentingan dalam pandangan umum. Tarian *breakdance* atau tarian robot serta fesyen dan kegilaan budaya muzik pop mahupun rap serta kunikan gerakan tarian serta dinding graffiti merupakan gabungan seni yang dirancang secara tidak langsung dan memaparkan terjemahan masyarakat pada waktu itu yang hidup aktif dan penuh dengan semangat urban dan berlakunya interaksi sosial yang unik dan positif.



**Gambar 4** : Program melukis mural oleh Jabatan Seni Halus Melaka.

Populariti graffiti mural atau seni mural ini pernah dibangkit oleh seorang penulis bernama Norman Mailer, Norman cuba membangkitkan persoalan adakah graffiti itu vandalism?

Atau seni urban rakyat. Norman merumuskan ianya satu tatacara romantik dalam membentuk manifestasi anarki sifatnya dalam menyuarakan kebebasan sosial, sementara itu pengkritik seni Suzi Gablik melabelkan seniman jalanan graffiti ini sebagai suara anak muda urban *ghetto youth* yang menyuarakan kepincangan dan diskriminasi yang dilakukan oleh golongan patron seni terhadap pasaran karya seni yang tak masuk akal.

Ada kajian yang sangat kukuh mengatakan bahawa seni graffiti adalah media seni berbentuk komunikasi awam maka pengaruhnya sangat cepat berkembang ke negara Asia seperti Korea, Jepun, Indonesia dan juga negara kita Malaysia. Hujahan ini dibuat oleh Dr. Baharuddin Mohd Arus dalam artikelnya berbunyi dalam konteks yang sama terdapat juga budaya melukis dan menconteng dinding serta tembok dengan media lukisan kontemporari yang dikenali sebagai lukisan graffiti. Graffiti bukanlah budaya seni visual yang baru, graffiti berasal dari perkataan Greek—Graphein yang bermaksud menulis dan Sgraffitto dalam bahasa Itali bermaksud menguris dipermukaan yang keras seperti batu bertujuan untuk membuat corak dalam seni cetakan, atau boleh juga bermakna menguris lapisan warna bagi mendapatkan kesan warna di bawah permukaan satah. Graffiti muncul semula pada tahun 60an di bandar New York oleh golongan remaja yang ingin menarik perhatian khalayak berhubung sikap perkauman dan penindasan sesetengah komuniti dalam masyarakat metropolitan.

Walaupun begitu seni graffiti pada hari ini sudah mendapat pengiktirafan sedikit sebanyak oleh masyarakat sejagat memandangkan sikap keterbukaan dunia seni yang merasakan seni graffiti juga perlu diberi

ruang seperti dengan perkembangan kesenian yang lain seperti muzik Jazz, rap, indie, hip-hop ataupun seni teater. Seniman-seniman kontemporari yang mempergunakan graffiti untuk dieksplorasi sebagai acuan berkarya seni seperti Jean- Mitchel Basquiat, AR Penk, Keith Haring dan juga komuniti seperti Taring Padi sangat menarik dan menjadikan graffiti sebagai karya seni khas dari seniman. Menurut Baharuddin Mohd Arus lagi untuk catatan sejarah salah satu lukisan mural yang pertama di Kuala Lumpur adalah di dinding Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, di persimpangan Jalan Pudu dihasilkan oleh pelukis Ismail Mustam pada tahun 1961. Mural pertama dan menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia pada waktu telah dibina dengan menggunakan 1.4 juta kepingan mozek, bertemakan 'Cara Hidup di Malaya' yang mempunyai nilai sejarah yang tak terhingga untuk menjadikan Malaya waktu itu sebagai sebuah negara yang aman dan penuh dengan semangat perpaduan berbilang kaum.



**Gambar 5** : Mural Dewan Bahasa dan Pustaka. K. Lumpur.

Apabila kita menilai kembali dari segi gayaan dan penggunaan aspek formal mural Dewan Bahasa dan Pustaka ini dapat kita analisa dari penggunaan imajan serta stail lebih mirip kepada gabungan rupa geometrik dan semitrikal menampilkan citra budaya masyarakat Malaya waktu itu, unsur-

unsur kubisme amat menyerlah sesuai dengan harapan negara untuk menjadi sebuah negara yang harmoni dan kukuh. Mural bersaiz besar ini berkemungkinan adanya pengaruh kesenian antarabangsa yang sangat kuat, kita boleh ambil contoh seperti apa yang telah dilakukan oleh seniman-seniman mural Mexico pada waktu itu seperti Diego Riverea dan Jose Clemente Orozco menghasilkan ratusan mural pada dinding dan tembok yang luas sehingga kini menjadi satu fenomena media visual untuk masyarakat di Latin Amerika seperti komuniti Chicano.

Di Jalan Pudu juga menyimpan banyak kewujudan seni graffiti terawal, semenjak negara Malaysia mendapat kemerdekaan pada zaman penjajahan British mahupun zaman selepas kolonialisasi pihak British. Salah satu buktinya adalah lukisan mural Penjara Pudu yang dihasilkan pada tahun 1982. Menurut Harith Faruqi Sidek dalam tulisannya mural graffiti Penjara Pudu menyimpan satu kisah sebelum penghasilannya, barang siapa yang menaiki bas menuju ke Puduraya, mereka akan melewati karya seni bertemakan pemandangan hutan tropika tersebut.



**Gambar 6** : Mural Penjara Pudu.



**Gambar 7** : Mural sepanjang Jalan Pudu.

Satu fakta menarik mengenai bagaimana bermulanya idea lukisan mural ini dihasilkan ialah, ianya turut melibatkan dramatis terkenal tanah air, Abu Bakar Juah. Beliau yang bertugas di penjara ini selama 11 tahun sebagai pegawai penjara, iaitu bermula 1975-1986 telah mengusulkan agar dibina taman rock garden di sepanjang tembok luar penjara tersebut, bagi mencantikkan tembok yang kosong itu, idea melukis mural kemudiannya dilontarkan oleh rakan setugas Abu Bakar, iaitu Mohd Rashidi Samsuddin. Mulai tahun 1983, seorang bekas banduan, Khong Yen Chong telah ditugaskan melukis mural tersebut dengan dibantu oleh beberapa banduan yang lain.

Menariknya, tempoh pembebasan Khong Yen Chong tiba sebelum sempat lukisan tersebut dihabiskan, namun atas rasa tanggungjawab, beliau kembali ke penjara tersebut untuk menghabiskan lukisan mural berkenaan, tetapi bukan sebagai banduan, tetapi sebagai rakyat Malaysia yang insaf dan bebas (The Star, 27 Jun 2010).



**Gambar 8** : Dramatis Abu Bakar Juah.

Ga

Pada tahun 1984, lukisan pada tembok penjara tersebut telah dicatatkan dalam Guinness Book of Records sebagai lukisan mural terpanjang di dunia, iaitu ukuran 860 kaki panjang dengan ketinggian 14 kaki. Khong Yen Chong dan rakan-rakannya telah menyiapkan lukisan mural tersebut dalam tempoh 17 bulan dengan menggunakan kira-kira 2000 liter cat (New Strait Times, Ogos 2012).

Apabila Penjara Pudu berusia 119 tahun itu dirobohkan atas nama pembangunan, tembok bersejarah ini turut sama 'menyembah bumi' pada Jun 2010. Meskipun tindakan meroboh bangunan yang telah dikosongkan sejak 1996 itu mendapat bantahan dari pelbagai pihak termasuk NGO, namun ianya tidak diendahkan oleh pihak berkuasa. Kisah Penjara Pudu sebagai satu bukti penemuan awal praktis seni graffiti di tanahair yang di mulai oleh Khon Yen Chong seakan selari ceritanya atau kisahnya kalau kita menyorot tentang kisah Keith Haring menghasilkan lukisan graffiti di Tembok Berlin sepanjang 300meter menemukan imej- imej figura manusia berantai antara satu sama lain dan akhirnya runtuh menyembah bumi juga pada 3 oktober 1990.



**Gambar 9** : Khong Yen Chong, pelukis mural Penjara Pudu.

Kini, seni mural grafiti beralih kepada fasa yang mempunyai kekuatan tersendiri berdasarkan evolusi perkembangan seni sejagat. Seni mural mula mendapat tempat dihati masyarakat tempatan, terdapat banyak mural yang tumbuh seperti cendawan di seluruh negara dari dinding pusat tadika, dinding mural sekolah sehinggalah ke dinding bangunan kerajaan dan bangunan sektor swasta. Mengikut Dr Baharudin Mohd Arus, mural pada awal fungsinya adalah bertujuan untuk berdakwah kepada penganut agama tertentu namun pada hari ini fungsinya tidak luput walaupun dengan terdapatnya media sosial yang meluas. Tambah beliau lagi lukisan mural masih utuh dengan fungsi menghias, dekoratif, merakam sejarah, meniup semangat dan juga mendidik, oleh sebab itu amalan membuat mural juga menjadi lebih tersebar dan berkembang.

Oleh itu itu grafiti dan mural memang tidak dapat dipisahkan, ia menjadi satu fenomena di kalangan belia di seluruh dunia sebagai satu suara meluahkan ekspresi individu mahupun isu sejagat. Timbul juga persoalan seni mural dan seni grafiti mempunyai dua darjat yang berbeza, mengikut Dr Baharuddin Mohd Arus (2016), seni mural lebih berpihak kepada golongan elitis dan cerminan elitis kerana tujuan karya seni ini jelas

akan matlamatnya dalam masyarakat, manakala seni grafiti hujah beliau masih memerlukan keyakinan sebelum diterima oleh masyarakat dengan sepenuhnya oleh sebab contengan yang dibuat secara arbitrate contengan tanpa tujuan itu masih menjadi persoalan masyarakat. Namun begitu Tisna Sanjaya mengungkap seni grafiti sebagai satu bidang kesenian secara spontan, nampak sebagai pemberontakan, secara tekstual berupa hujatan, tapi banyak juga yang lembut, cinta damai dan ekspresi cinta seni grafiti yang sangat personal.

Pada zaman ini seni grafiti dan juga seni mural seolah sesuatu gabungan yang jitu dalam gerakan seni moden terkini, tidak lupa juga penyumbang ke arah penyatuan ini akibat dari kemunculan budaya atau sub budaya yang di gelar Hip- Hop. Hip Hop adalah sebuah kebudayaan tampalan atau sub budaya yang semakin dominan dalam muzik, fesyen, cara hidup dan juga grafiti sebagai asas utama gerakan tersebut yang dimulai oleh masyarakat afro- amerika dan latin- amerika.

Hip Hop merupakan perpaduan yang sangat dinamis, antara elemen- elemennya terdiri dari MCing atau digelar rapping, breakdance dan grafiti. Pada zaman awal kemunculannya iaitu disebut era Golden Hip Hop. Hip Hop lebih menumpukan bahasa rahsia untuk kelompok tertentu, sarana ekspresi ketidakpuasan terhadap kondisi sosial (penyalahgunaan dadah, diskriminasi kaum, menuntut persamaan hak. Sarana pemberontakan dan juga sarana ekspresi ketakutan terhadap kondisi politik sosial dan rasisme. Grafiti waktu itu lebih menumpukan grafiti yang berfungsi sebagai identifikasi daerah dan tanda kuasa atau kekuasaan memiliki sesuatu tempat, atau disebut Gang grafiti.

Manakala Tagging grafiti sering digunakan sebagai grafiti kumpulan dan individu yang dikenali sebagai 'bomber', semakin mendapat tempat dan tersebar meluas hingga ke negara asia seperti Korea, Jepun, Filipina malahan negara kita Malaysia. Semakin banyak grafiti jenis ini bertebaran, semakin terkenallah nama pembuatnya, Tagging grafiti yang bernaung di bawah sesuatu kumpulan mahupun individu memiliki peminat atau followers dalam negara mahupun luar negara. Kelompok- kelompok seperti Skulls Savage, La Familia dan Savage Nomad seringkali mendapat perhatian dan secara aktif menandai wilayah mereka.



**Gambar 10** : Gang grafiti yang dimiliki oleh kumpulan Latin King.

**Gambar 11** : Tanda grafiti oleh Kumpulan Crips.





**Gambar 12 :** Tanda grafiti menggunakan teknik stensil oleh Kumpulan Crips.



**Gambar 13 :** Tandaan kumpulan menggunakan teknik imej pelekat (Kolaj).



**Gambar 14 :** Salah satu contoh Tagging Grafiti.



**Gambar 15 :** Contoh karya Tagging Grafiti.



**Gambar 16 :** Tagging Grafiti pada badan keretapi.

Tagging grafiti kian mendapat tempat dan menjadi perhatian golongan belia di negara ini, tidak dapat dinafikan asal-usul seni grafiti melalui subbudaya Hip Hop dapat diterima oleh masyarakat dunia dengan tertubuhnya banyak kumpulan seni grafiti tanah air. Seni grafiti melalui acuan nasionalisme negara kian popular kerana kumpulan – kumpulan ini boleh berinteraksi sesama ahli mereka sambil mendapat keseronokan menghasilkan karya kreatif. Nama nama seperti Cloarkwork, Kenji Chai, Katun, Punk Rock , kumpulan Kereko dan banyak lagi, telah banyak merubah dinding- dinding kota dan tembok- tembok di negara ini dipenuhi dengan seni grafiti ataupun mural yang berbagai bentuk pengucapannya. Cerita- cerita hikayat, cerita rakyat, potret ikon- ikon negara, serta berbagai-bagai imej bercampur baur dalam membentuk identiti tersendiri yang indah sifatnya cuba dihasilkan.

Pertubuhan badan kerajaan mahupun bukan kerajaan sering mengambil

inisiatif dalam memberi ruang kepada anak-anak muda yang kreatif dalam penghasilan seni mural dan seni grafiti agar berkembang pesat sebagai satu wadah kesenian yang dekat dengan diri masyarakat ataupun sebagai satu inisiatif untuk mempopularkan imej setempat dan juga boleh menarik perhatian pengunjung serta pelancong di dalam negara dan luar negara, inisiatif tersebut telah banyak dilakukan oleh kerajaan dan badan tertentu seperti NGO dan sebagainya.



**Gambar 20** : Mural dan grafiti di Stadium Hang Jebat Melaka.



**Gambar 17** : Pelajar- pelajar dari Jabatan Seni Halus Cawangan Melaka sedang menyiapkan mural.



**Gambar 21** : Mural untuk Kelab bolasepak di Stadium Hang Jebat, Melaka.



**Gambar 19** : Tagging grafiti yang dihasilkan oleh anak muda tempatan.



**Gambar 22** : Mural bertemakan cerita rakyat seperti Hikayat Badang.

## Bibliografi

Baharuddin, M. A. (2016). *Mural Grafiti dan Bukannya Contengan Kosong*. Sabah: Utusan Borneo Sabah.

Baharuddin, M. A. (2017). *Seni Doodle Budaya Alternatif Moden*. Sabah: Utusan Borneo Sabah.

Harith, F. S. (2013). *Lukisan Mural Penjara Pudu dalam kenangan (1983-2010)*. Kitab Tawarikh 2.0. Kuala-Lumpur.

Robert, A. (1990). *A Guide to Contemporary Ideas, Movements, and Busswords*. Art Speak. 84- 86.

Zaky, Y. (2016). *Seni Budaya : Grafiti Seni atau Bukan?*. Pikiran Rakyat. Jogjakarta.






UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Fakulti  
Seni Lukis  
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001